



PROGRAM PERSEDIAAN UNIVERSITI SMK SERI TANJONG, MELAKA

PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR SESI 2012-2013

1.0 PENDAHULUAN

Pihak Program PersediaanUniversiti SMK Seri Tanjong, Melaka mengucapkan tahniah atas kejayaan saudara/i kerana berjaya dipilih untuk mengikuti Program Persediaan Universiti, Kementerian Pelajaran Malaysia bagi sesi 2012-2013

- 1.1 Semua maklumat yang terkandung dalam panduan pendaftaran pelajar ini bertujuan untuk membantu saudara/i membuat persediaan sebelum mendaftar.
- 1.2 Sila baca dengan teliti kandungannya dan ikut arahan yang diberikan.

2.0 JAWAPAN KEPADA TAWARAN

Sekiranya saudara/i telah mengambil keputusan untuk :

2.1 Menolak tawaran

- i. Abaikan surat tawaran yang diterima
- ii. Tidak mendaftar semasa hari pendaftaran pelajar baru pada 8 Mei 2012 atau sehingga tamat tempoh pendaftaran.

2.2 Menerima Tawaran

Saudara/i perlu mengambil tindakan berikut, (*Diisi pada hari pendaftaran*)

- i. Melengkapkan borang maklumat pelajar atau SMM
- ii. Menyediakan yuran pelajar seperti yang ditetapkan dengan membayar kepada pihak sekolah pada hari pendaftaran.
- iii. Menyediakan semua dokumen yang diperlukan.
 - Gambar ukuran pasport (3 keping)
 - Salinan sijil kad pengenalan pelajar
 - Salinan slip keputusan SPM
 - Salinan kad pengenalan ibu dan bapa
 - Salinan Sijil Kokurikulum
 - Salinan surat tawaran dari Jabatan Pelajaran Melaka atau surat tawaran yang dimuat turun dari internet.
 - Bil Utiliti Semasa (bil air atau bil elektrik)

- iv. Mendaftar diri pada 8 Mei 2012(*Selasa*) di PPU SMK Seri Tanjung, Melaka..
- Sekiranya saudara/i masih lagi mengikuti kursus PLKN, saudara/i hendaklah mendaftarkan diri di sekolah yang ditetapkan sebaik sahaja program ini tamat dengan mengemukakan dokumen berkaitan.

3.0 YURAN PELAJAR

Bil	Perkara	Jumlah	
1	Yuran PIBG	RM 20.00	
2	Dana Kecemerlangan	RM 50.00	
2	Dana Komputer (<i>bagi pelajar yang baru mendaftar di SMKST</i>)	RM 30.00	
	Yuran Ahli Koperasi	RM 4.00	
3	Pendaftaran Siswa/i	RM 10.00	
4	Keperluan Pelajar PPU	Baju T-Shirt Rasmi PPU	RM 28.00
		Tali leher PPU	RM 15.00
		Baju Korporat PPU	RM 65.00
		Buku Kokurikulum	RM 3.00
		Fail Prestasi Akademik	RM 2.00
		Tanda Nama PPU	RM 12.00
		Tudung Putih (<i>sekolah</i>)	RM 18.00
		Tudung Hitam (<i>sekolah</i>)	RM 15.00

4.0 PENAMPILAN DIRI SEMASA PENDAFTARAN

4.1 Lelaki

- Berpakaian unifom sekolah, baju kemeja putih berlengan panjang/pendek dan berseluar 'slack' warna hitam.
- Berkasut kulit/PVC hitam.
- Rambut tidak melebihi paras kolar, diurus dengan rapi dan kemas, tidak diwarnakan, sesuai dengan perwatakan pelajar PPU.

4.2 Perempuan

- i. Berpakaian unifom sekolah, baju kurung berwarna putih, kain warna hitam dan bertudung warna putih.
- ii. **Berkasut kulit/PVC hitam.**
- iii. Bagi yang tidak bertudung, pastikan rambut diikat rapi dan kemas, sesuai dengan perwatakan seorang pelajar PPU.
- iv. Rambut tidak diwarnakan.

Peringatan:

JIKA SYARAT RUPA DIRI TIDAK DIPATUHI, SAUDARA/I TIDAK DIBENARKAN MENDAFTAR

5.0 MINGGU PENGURUSAN PELAJAR BARU

- 6.1 Minggu pengurusan pelajar baru akan bermula pada hari pendaftaran.
- 6.2 Semua pelajar diwajibkan mengikuti segala aktiviti dalam **Minggu Pengurusan Pelajar Baru**. Pihak pengurusan PPU berhak mengambil tindakan disiplin sekiranya ada pelajar yang didapati tidak mengikuti aktiviti-aktiviti yang telah ditetapkan.

6.0 PENUTUP

Program Persediaan Universiti SMK Seri Tanjung, Melaka mengucapkan terima kasih kerana membuat pilihan yang tepat untuk mengikuti Program Persediaan Universiti Kementerian Pelajaran Malaysia.